

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	16 August 2015

**Keadaan sekarang mungkin berbeza dengan zaman Tun. Ketika Tun melepaskan jawatan, isu-isu yang berlaku bukanlah besar jika dibandingkan dengan situasi sekarang. Pandangan Tun dalam hal ini?**

**ABDULLAH:** Zaman saya lain dengan situasi sekarang. Masa saya ambil alih dahulu, keadaan ekonomi teruk juga, tetapi sepanjang masa kita mengawasi situasi itu. Jadi, keadaan semakin baik. Sepanjang masa, kami bekerja keras bagi memastikan keadaan semakin baik. Kita pegang dan kawal keadaan. Alhamdulillah keadaan itu semakin elok.

Orang yang bertanggungjawab perlulah pegang dan kawal situasi ini supaya keadaan menjadi bertambah baik. Keadaan negara kita sebenarnya semakin baik dan meningkat dari semasa ke semasa dan keadaan ini tidaklah mendatar seperti keadaan politik di negara-negaralain.

**Semasa Tun menjadi Perdana Menteri, ada pihak menuntut Tun meletakkan jawatan, namun dalam pelbagai isu yang timbul ketika ini, kenapa Tun langsung tidak mendesak kearahitu?**

**ABDULLAH:** Ketika itu, saya ada buat beberapa perbincangan yang panjang dengan Najib. Saya buat keputusan untuk letak jawatan ketika itu dan saya cakap Najib perlu ambil alih jawatan tersebut. Saya pilih Najib untuk menjadi Perdana Menteri dan berharap beliau menjadi ketua yang baik.

Saya harap dia melakukan kerja dan sesuatu yang lebih baik daripada apa yang saya lakukan. Itulah yang saya harapkan daripada beliau. Saya akan merasa gembira sekiranya beliau berjaya melakukan sesuatu yang lebih daripada saya.

Saya tidak cemburu dan sakit hati. Saya hanya mahukan beliau melakukan kerja yang bagus. Saya tidak mahu beliau fikirkan tentang saya kerana hanya mahu beliau lakukan kerja yang sepatutnya.



TUN Abdullah Ahmad Badawi tengah menjawab soalan wartawan Mingguan Malaysia, dua dari kanan Azman Anuar, Hafizahril Hamid, Amizul Tunizar (dua, kiri) dan Rasdan Ahmad di kediaman beliau di Bukit Carcosa, Kuala Lumpur semalam.

**Melihat keadaan sekarang, ramai yang mengatakan BN akan kecundang dalam pilihan raya umum nanti. Pada pandangan Tun macam mana?**

**ABDULLAH:** Memang ramai yang cakap macam itu dan ada juga yang mengharapkan keadaan akan bertambah baik. Dalam hati saya, sayang pada parti ini tetap ada. Tetapi kita orang UMNO, kita faham dengan situasi ketika ini.

Saya cukup sayangkan UMNO. Jika hilang UMNO, tidak tahulah apa yang akan berlaku selepas ini. Saya mengharapkan agar Najib berjaya memperelok keadaan dan menjaga parti ini dengan sebaik mungkin. Mudah-mudahan Najib akan berjaya mengawal keadaan ini.

Semua ahli UMNO pada zaman saya, duduk dan bermuafakat sekali. Maka tidak timbullah isu perpecahan seperti apa yang

dikatakan berlaku ketika ini.

**Melihat kepada kekuatan pembangkang terutamanya DAP ketika ini sehingga ada orang Melayu pun masuk Jadi ahli. apakah pembangkang mampu menggugat kekuatan UMNO dalam pilihan raya umum akan datang?**

**ABDULLAH:** Politik ini sebenarnya tidak boleh dijangka kerana dalam seminggu pun boleh berubah. Buat masa ini, masing-masing ada kekuatan sendiri. Jadi, kita tunggu dan lihat apa yang akan berlaku selepas ini. Saya juga tidak tahu apa perasaan orang Melayu yang menyertai DAP.

Mungkin mereka "pilih parti itu kerana ada sebab yang tersendiri. Saya juga lihat DAP ketika ini boleh terima jika pemimpin mereka sendiri dalam kalangan orang Melayu.

Jika hilang UMNO, tidak tahulah apa yang akan berlaku selepas ini. Saya mengharapkan agar Najib berjaya memperelok keadaan dan menjaga parti ini dengan sebaik mungkin. Mudah-mudahan Najib berjaya mengawal keadaan ini.